



-MEMORANDUM-

TARIKH : 7 JANUARI 2022 / 4 JAMADIL AKHIR 1443H

KEPADA : JAWATANKUASA PENGURUSAN BERSAMA WAKAF
NEGERI SEMBILAN MUAMALAT (JPB WNSM)

DARIPADA : URUSETIA WAKAF NEGERI SEMBILAN MUAMALAT

PERKARA : LAPORAN SUKU TAHUN KEEMPAT WAKAF NEGERI SEMBILAN
MUAMALAT BAGI BULAN OKTOBER - DISEMBER 2021

1.0 OBJEKTIF

Objektif laporan ini ditulis adalah untuk memaklumkan kepada pihak JPB WNSM tentang aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh WNSM serta jumlah kutipan dan penggunaan dana WNSM bagi suku tahun keempat 2021 (Oktober - Disember 2021).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pengenalan:

Wakaf Negeri Sembilan Muamalat (WNSM) merupakan jalinan kerjasama antara Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan dan Bank Muamalat Malaysia Berhad bagi menguruskan dana Wakaf secara bersama melalui pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB). Melalui usahasama ini, Wakaf Negeri Sembilan Muamalat (WNSM) akan menumpukan kepada aktiviti dan projek wakaf dalam dua segmen iaitu kesihatan dan pendidikan. Dana wakaf ini juga akan dilaburkan di dalam aktiviti yang berlandaskan syariah.

3.0 Jumlah Kutipan Bulanan WNSM (Oktober - Disember 2021):

TAHUN	BULAN	KUTIPAN BULANAN (RM)	JUMLAH BULANAN (RM)
Baki Dana Semasa WNSM sehingga 30/9/2021			2,061,186.12
2021	Oktober	1,634.49	4,810.86
	November	1,561.50	
	Disember	1,614.87	
JUMLAH KESELURUHAN DANA PADA 31/12/2021 (A)			2,065,996.98

4.0 Pengeluaran Dana WNSM (Oktober - Disember 2021):

JPB telah meluluskan pengeluaran dana WNSM dari bulan Oktober sehingga Disember 2021 seperti berikut:

BIL	PROJEK WNSM	TARIKH PENGELUARAN	AMAUN KELUAR (RM)
I	Projek WNSM (Dana Asas)		
Kesihatan & Pendidikan			
II	Pengurusan (Penggunaan Dana Manfaat)		
1.	Sekolah Menengah Islam Seremban	Oktober 2021	163,000
Jumlah Pengeluaran (B)			163,000
JUMLAH DANA SEMASA WNSM SEHINGGA 31/12/2021 (A - B)			1,902,996.98

5.0 KESIMPULAN

Laporan ini disediakan untuk memaklumkan kepada JPB berkenaan aktiviti-aktiviti WNSM yang telah dijalankan, jumlah kutipan dan jumlah pengeluaran dana WNSM selama 3 bulan dari Oktober sehingga Disember pada tahun 2021

6.0 TANDATANGAN & NAMA

Disediakan oleh:



.....
(Zulfikri bin Shuib)
Jabatan Kewangan Sosial,
Bank Muamalat Malaysia Berhad

Tarikh

7/1/2022
.....

Disemak oleh,



.....
(Wan Nuraihan Hj Ab Shatar)
Ketua Urusetia

8/1/2022
.....